

14/03/2000

Dasar terbuka kekal

PASIR GUDANG, Isnin - Malaysia masih memerlukan penyertaan pelabur asing kerana sumbangan mereka menguntungkan banyak pihak termasuk kerajaan dan rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, melalui pelaburan itu, ia secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat dan sekali gus dapat mengatasi masalah pengangguran.

Katanya, kerajaan juga mendapat faedah secara langsung apabila dapat mengutip cukai korporat 28 peratus daripada keuntungan syarikat atau pelabur terbabit.

"Oleh itu kita tetap mengamalkan dasar terbuka dengan menggalakkan penyertaan pelabur asing untuk melabur di negara ini.

"Ini kerana penyertaan mereka dapat memberi keuntungan pada jangka panjang kepada kerajaan dan rakyat," katanya di majlis perasmian Projek Pengembangan Fasa 2 Kompleks Petrokimia Kumpulan Titan di sini, hari ini.

Pengembangan projek itu yang menelan belanja RM3.2 bilion meliputi pembinaan Naphtha Cracker kedua untuk pengeluaran etilena, propilena dan produk sampingan berkaitan minyak dan bahan api pirolisis di samping kilang polipropilena kedua serta kilang BTX.

Kompleks Petrokimia Titan merangkumi 10 kilang dan kemudahan berkaitan terkini yang dibina dalam kawasan seluas 120 hektar di dua tapak berasingan, iaitu di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang dan Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Berhad (PNB), Hamad Kama Piah Che Othman dan Pengerusi Kumpulan Titan, Datuk T T Chao.

Di majlis itu, Chao turut menyampaikan sumbangan kepada Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali sebanyak RM5 juta yang diterima oleh Hamad Kama Piah.

Dr Mahathir berkata, melalui dasar persyarikatan Malaysia, kerajaan turut berkongsi keuntungan dengan pelabur yang kemudian keuntungan itu diagihkan kepada syarikat yang dimiliki oleh kerajaan seperti PNB.

Sebagai contoh, katanya, PNB turut mempunyai ekuiti dalam Kumpulan Titan dan secara tidak langsung membolehkan rakyat negara ini sama-sama menikmati keuntungan itu daripada syarikat terbabit.

Beliau berkata, keadaan itu berlaku apabila rakyat melabur melalui Amanah Saham Nasional (ASN) atau Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang diuruskan oleh PNB.

"Inilah cara kerajaan mengagih-agihkan kekayaan negara dan berkongsi keuntungan dengan pelabur asing. Dasar ini ternyata sedikit sebanyak dapat merapatkan jurang pendapatan antara golongan berada dan tidak berada.

"Sebab itu, di negara ini kita tidak temui orang yang benar-benar miskin berbanding negara membangun lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneruskan dasar sedia ada bagi memastikan negara terus membangun dan rakyatnya menikmati kemakmuran negara.

(END)